



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepc.com



NILAI MORAL DALAM SAJAK ‘KE MAKAM BONDA’ OLEH USMAN AWANG: SATU ANALISIS BAHASA, NILAI DAN STRUKTUR SERTA KAITANNYA DENGAN KONSEP DAKWAH

MORAL VALUES IN THE 'KE MAKAM BONDA' BY USMAN AWANG: AN ANALYSIS OF LANGUAGE, VALUES AND STRUCTURES AND RELATED TO DA'WAH CONCEPT

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Nurulsyikin Muda², Irma Wani Othman^{3*}, Mohd Sohaimi Esa⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan
Email: syikin@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msohaimi@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

To cite this document:

Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021). Nilai Moral Dalam Sajak ‘Ke Makam Bonda’ Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai Dan Struktur Serta Kaitannya Dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41),

Abstrak:

Rekayasa bahasa dalam sebuah sajak sangat tinggi nilainya. Adakala bahasa yang dicoretkan dalam bait-bait sajak menjurus kepada makna tersurat dan tersirat. Pengolahan makna dan maksud bahasa tersebut sebenarnya bergantung kepada kefahaman pengarang sajak dan penghayatan oleh pendengarnya. Bahasa dalam sajak sememangnya mempunyai nilai moral yang berguna buat khalayak pembaca serta memacu ke arah penerapan nilai dakwah dalam kehidupan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat nilai moral dalam sajak “Ke Makam Bonda” dari aspek bahasa, nilai dan struktur menerusi teori relevans. Selain itu, pengkaji turut melihat hubungan antara bahasa, nilai dan struktur dalam bait-bait sajak tersebut dikaitkan dengan unsur-unsur dakwah sehingga ia mendatangkan kesedaran kepada pendengar. Hasil dapatan kajian mendapat penggunaan bahasa, penerapan nilai serta penyusunan struktur yang sistematik apatah lagi diimplementasikan sajak tersebut ke genre lagu bercorakkan nasyid tradisional menambahkan lagi

76-91.

DOI: 10.35631/IJEPC.641006

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



tahap penghayatan pendengar terhadap mesej yang disampaikan. Kesan pengadaptasian tersebut telah mendatangkan impak yang positif kepada masyarakat sehingga ia menjadi alunan irama yang tenang di dengar dan meninggalkan kesan nasihat dan mesej dakwah yang sangat berguna. Ini jelas menunjukkan bahawa implementasi gaya bahasa dalam sajak Usman Awang tersebut amat sesuai dengan penghayatan masyarakat sejak dahulu sehingga kini sehingga ia berjaya dimelodikan oleh sesiapa sahaja.

Kata Kunci:

Nilai Moral, Sajak, Ke Makam Bonda, Usman Awang, Analisis Bahasa, Nilai Dan Struktur, Konsep Dakwah

Abstract:

Language engineering in grammar is very high in value. Sometimes the language that is written in the bytes of the grammar refers to its expressed and implied meanings. The processing of meaning and meaning of the language depends on the understanding of the author of the narration and the appreciation by the listener. Language in grammar has a moral value that is useful for the audience of readers as well as driving towards the application of da'wah value in life. Thus, this study aims to see the moral value in the "Ke Makam Bonda" in terms of language, value, and structure through relevance theory. In addition, the reviewer also saw the relationship between language, value, and structure in the bytes of the narration is associated with the elements of da'wah until it generates awareness to the listener. The results of the study found that the use of language, value application, and systematic structure arrangement especially implemented the rhyme to the genre of traditional nasyid song adds to the listener's appreciation of the message delivered. The impact of the adaptation has had a positive impact on the community so that it becomes a calm rhythm heard and leaves a very useful advisory effect and da'wah message. This clearly indicates that the permeation of the language style in Usman Awang's slang was very suitable to the society's appreciation until now until it was successfully translated by anyone.

Keywords:

Moral Values, Grammar, Ke Makam Bonda, Usman Awang, Analysis of Language, Value, And Structure, Da'wah Concept

Pendahuluan

Bahasa merupakan satu aspek penting dalam melaksanakan jaringan komunikasi sama ada ia melibatkan komunikasi lisan mahupun bukan lisan. Menurut Mokhtar, et. al. (2021a) komunikasi *bi al-Lisan* atau komunikasi verbal ini adalah komunikasi yang menuntut seseorang itu menggunakan bahasa perkataan, suara nada yang dapat difahami oleh pendengar. Manakala komunikasi non-verbal atau komunikasi tanpa lisan pula adalah komunikasi yang terlaksana tanpa sebarang ucapan dan ungkapan tetapi berlaku sentuhan lembut terhadap pendengar (Bading, et. al., 2018). Dalam kajian ini, gaya bahasa yang disentuh adalah menerusi bahasa non-verbal dimana pengkaji akan mengupas makna dan maksud tersirat yang terdapat dalam sajak "Ke Makam Bonda". Bagi mengukur dan mengenalpasti makna

tersirat ataupun nilai moral dalam sajak tersebut, pengkaji telah menggunakan teori relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Menurut Subet (2010), teori relevans dapat membantu proses inferensi serta membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat. Dalam kajian ini, pemulis tidak menganalisis satu per satu perkataan yang terdapat dalam rangkap-rangkap sajak tersebut tetapi hanya mengupas maksud tersirat dalam setiap rangkap dan bait sajak sebagai sumbangan kepada nilai moral yang ingin disampaikan oleh Usman Awang.

Jika sajak yang didengar atau dideklamasikan oleh seseorang tanpa ada penghayatan yang mendalam, mesej, maklumat dan nilai murni yang muh u diketengahkan oleh pengarang sajak tidak akan kesampaian. Oleh itu, nilai bahasa yang digunakan dalam bait-bait sajak sememangnya mempunyai nilai bahasa yang tinggi. Pengarang sajak biasanya menggunakan bahasa kiasan, sindiran dan yang seumpama dengannya bagi memberarkan pendengar untuk menafsir maksud tersurat dan tersirat dari sajak yang dinukilkan. Pentafsiran maksud dan makna sajak tersebut mengikut kefahaman dan penghayatan pendengar. Walau bagaimanapun, pengarang sebenarnya mempunyai maksud tersirat yang tersendiri sama ia hasil dari pengalaman hidup mereka, pemerhatian mahupun anggapan mereka terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, bagi mendapatkan tafsiran sebenar yang muh u disampaikan oleh seseorang pengarang, para pembaca haruslah menghayati dan mendalam setiap perkataan dan ayat yang digunakan oleh pengarang tersebut. Kefahaman yang mendalam dapat mengungkap nilai sebenar yang dimaksudkan oleh pengarang serta menjadikannya sebagai panduan hidup.

Dewasa ini, masyarakat lebih dekat dengan hiburan khususnya lagu berbanding dengan teks klasik. Walaupun mata pelajaran sastera diterapkan dalam pelajaran tetapi penghayatan mereka terhadap teks klasik sangat berkurangan. Minat dan kecenderungan mereka lebih terarah kepada dunia hiburan yang menjadi halwa kemanisan pendengarannya. Pengkaji dapati, terdapat beberapa artis masa kini yang cuba menerapkan nilai sajak dan puisi ke dalam genre lagu sehingga membuka mata masyarakat khususnya golongan remaja untuk mendekati dunia sastera klasik ini. Sebagai contoh, kumpulan nasyid UNIC telah mengadaptasi sajak “Ke Makam Bonda” sebagai salah sebuah lagu dalam albumnya. Pengadaptasian ini telah memberikan nafas baharu kepada masyarakat yang sebelum ini tidak dapat menghayati sajak tersebut, tetapi menerusi genre nasyid yang diiringi irama dan melodi hati mereka lebur dek kerana terpesona dengan lirik sangat mendalam. Oleh hal yang demikian, kita seharusnya mengarahkan akal dan fikiran kita terhadap maksud sebenar yang cuba disampaikan oleh pengarang sajak tersebut agar nilai murni yang hendak disampaikan oleh beliau tidak tersasar dari maksud yang sebenar. Maka dengan itu, pengkaji akan berusaha untuk melihat aspek-aspek bahasa, nilai dan struktur yang digunakan oleh Usman Awang dalam sajak “Ke Makam Bonda” serterusnya melihat kaitan kombinasi aspek tersebut dalam konteks pendekatan dakwah.

Kajian Literatur

Kajian berkaitan dengan gaya bahasa kerap dijalankan oleh sarjana yang menjiwai bahasa secara mendalam. Pelbagai bentuk kajian yang boleh dijalankan menerusi gaya bahasa sama ada menerusi buku, cerpen, sajak, syair, pantun dan sebagainya. Penggunaan gaya bahasa dalam sesuatu penulisan itu bergantung kepada diri pengarang itu sendiri kerana mereka berhak untuk mengarah hasil nukilan beliau difahami oleh khalayak pembaca. Berdasarkan

kajian ini, pengkaji lebih merujuk kepada hasil-hasil kajian yang telah dijalankan oleh mana-mana sarjana, melibatkan sasterawan negara Usman Awang. Ini kerana, kajian yang melibatkan Usman Awang lebih dekat dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji berbanding dengan melihat pengarang sajak yang lain. Secara umumnya, kajian sajak sasterawan negara Usman Awang sudah banyak dijalankan, namun kajian tersebut hanya meliputi aspek pemikiran, bentuk, tema dan stilistik sahaja. Kajian yang menumpukan kepada aspek bahasa, nilai dan struktur serta kaitannya dengan konsep dakwah masih belum dilakukan oleh mana-mana sarjana.

Dalam kajian Soh & Kamaruddin (2016) membicarakan berkaitan dengan makna dalam puisi terpilih Usman Awang menerusi kaedah semantik. Kajian beliau ini membincangkan keseluruhan makna yang ingin disampaikan oleh Usman Awang dalam karyanya. Hasil kajian beliau mendapati Usman Awang bukan sahaja mendukung makna dasar dalam karyanya tetapi wujud makna laian yang cuba disampaikan beliau secara halus agar karyanya dapat diterima oleh khalayak pembaca. Selain dari kajian kepada makna dalam puisi Usman Awang, terdapat juga kajian berkaitan dengan emosi dalam puisinya. Subet (2017) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk “*Emosi dan Ironi dalam Puisi Usman Awang: Tafsiran Pragmatik*”. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji emosi dan perspektif linguistik dan bahasa menerusi teori relevans. Dalam kajian ini, beliau telah memilih empat buah sajak dari Usman Awang untuk mengesan unsur ironi dalam sajak tersebut. Hasil dapatan kajian beliau mendapati terdapat pelbagai bentuk emosi yang muncul setelah seseorang itu meneliti dan menghayati makna tersirat dalam sajak yang dipilih. Dapatan ini membuktikan bahawa bukan hanya bidang psikologi sahaja yang dapat mencorakkan emosi seseorang tetapi bidang linguistik dan bahasa juga dapat mengarah emosi pembaca dalam penggunaan bahasa yang dilontarkan.

Terdapat juga sarjana yang menjalankan kajian berkaitan dengan gaya bahasa pertautan Usman Awang dalam puisinya yang dijalankan oleh Awang dan Radzi (2020). Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap keindahan gaya bahasa pertautan dalam puisi Usman Awang sehingga beliau diangkat sebagai tokoh besar dalam dunia penyair. Hasil kajian ini membuktikan keindahan puisi tersebut tercetus kerana kebijaksanaan Usman Awang dalam menjalankan penggunaan gaya bahasa pertautan dalam menghasilkan puisi yang sangat indah serta dapat mencuit hati dan perasaan pendengar. Dengan kelebihan ini jugalah, Usman Awang berjaya mempersempahkan pelbagai bentuk tema yang menjadi kegemaran kepada mereka yang cinta kepada sajak dan puisi. Kajian mengesan gaya bahasa metafora dan menganalisis gaya bahasa untuk mencari makna sebenar turut dijalankan oleh Subet (2018). Dalam kajian tersebut, beliau telah menggunakan lima gaya bahasa metafora dalam lima buah sajak nukilan Usman Awang. Kajian beliau mendapati aplikasi teori relevans dapat membantu seseorang untuk memahami makna sebenar dalam bait-bait sajak kerana ia lebih mudah untuk mengesan makna sebenar berbanding memahami maksud sajak tanpa menggunakan teori relevans.

Berdasarkan kepada literatur kajian juga, pengkaji turut menemui kajian perbandingan antara sasterawan Malaysia dan sasterawan Indonesia. Ghazali (2021) telah menjalankan satu kajian berkaitan “*Gaya Bahasa dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik antara Usman Awang dan Afrizal Malna*”. Kajian stilistik merupakan pengkajian karya sastera yang

berorientasi linguistik atau penggunaan parameter linguistik dalam mengkaji karya sastera (Adenan, Kayad & Daud, 2018). Kajian ini bertujuan untuk merungkai persoalan berkaitan dengan proses penulisan sajak dari aspek teknik gaya bahasa yang disampaikan oleh kedua-dua penyair tersebut. Hasil kajian beliau mendapati kedua-dua tokoh penyair ini mempunyai keunikan tersendiri dalam menyempurnakan tanggungjawab sebagai seorang penyair serta mempunyai nilai falsafah keintelektualan yang tinggi ketika berkarya. Justeru, hasil karya mereka dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dan diterima baik oleh masyarakat di kedua-dua buah negara tersebut.

Kajian literatur terakhir yang pengkaji garapkan dalam artikel ini adalah merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Ayuob, Chin & Hassan (2020) bertajuk “*Analisis Dakwah dalam Cerpen-cerpen Terpilih Rejab F.I*”. Objektif kajian mereka ini adalah untuk mengupas persoalan dakwah dalam amalan harian orang-orang Melayu menerusi cerpen-cerpen terpilih yang dikarang oleh Rejab F.I. Hasil kajian beliau menunjukkan aspek-aspek pilihan Rejab F.I sangat berkait rapat dengan aspek kemanusiaan. Terdapat empat tema yang terbentuk dari pendekatan dakwah dalam penulisan cerpen-cerpen tersebut iaitu takwa, keadilan, ilmu dan taubat. Ini menunjukkan bahawa prinsip dan amalan harian orang-orang Melayu sangat berkait rapat dengan perintah dan larangan Allah SWT. Berdasarkan kepada tinjauan literatur berkaitan dengan sajak “*Ke Makam Bonda*” oleh Usman Awang pengkaji dapati belum ada sarjana yang melaksanakan kajian rinci terhadap aspek bahasa, nilai dan struktur dengan konsep dakwah khususnya dalam sajak “*Ke Makam Bonda*”. Oleh itu, kajian ini merupakan satu kajian baharu dan ia sangat relevan untuk dikaji secara mendalam.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah analisis teks atau dokumen iaitu teks sajak bertajuk “*Ke Makam Bonda*” yang dinukilkhan oleh Usman Awang. Berdasarkan kepada sajak “*Ke Makam Bonda*” tersebut, pengkaji akan melakukan kajian terhadap aspek bahasa, nilai dan struktur yang mempunyai kaitan dengan konsep dakwah. Bagi mendapatkan makna tersirat dalam sajak tersebut, pengkaji menggunakan teori relevans (Sperber dan Wilson, 1986) untuk memudahkan tafsiran sajak dilaksanakan. Teori relevans ini bukanlah dikupas menerusi satu-satu perkataan tetapi dilihat menerusi rangkuman maksud ayat dalam sajak tersebut. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah keperpustakaan untuk mendapatkan maklumat dengan merujuk bahan-bahan bercetak. Analisis dokumen ini merupakan sebahagian dari teknik penyelidikan berkaitan teks bertulis yang melibatkan proses merumus dan melaporkan data secara bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007). Analisis aspek bahasa, nilai dan struktur dikupas dalam kajian ini menjurus kepada penglihatan, pendengaran, pembacaan dan pemahaman (Masri, 2003), menerusi deklamasi sajak mahupun alunan nasyid “*Ke Makam Bonda*” oleh kumpulan nasyid UNIC.

Perbincangan Sajak ‘Ke Makam Bonda’ Karya Usman Awang

Allahyarham Dato’ Dr. Usman Awang telah dilahirkan pada Lahir pada 12 Julai 1929 di Kota Tinggi, Johor dan meninggal dunia pada 29 November 2001. Beliau merupakan tokoh Sasterawan Negara Ketiga (1983) yang terkenal dengan nama penanya *Tongkat Warrant*, Adi Jaya, Amir, Atma Jiwa, Manis, Pengarang Muda, Rose Murni, Setiabudi, U.A. dan Zaini. Sepanjang kehidupannya, beliau telah banyak menghasilkan karya seni termasuklah sajak, puisi, cerpen dan drama. Karya seni yang telah beliau nukilkhan semuanya sangat bermakna

dan dapat diterima oleh seluruh lapisan masyarakat tempatan, malah sekalipun di luar negara. Tema karyanya juga berkisarkan tentang realiti kehidupan masyarakat sama ada berkonsepkan politik, kehidupan, agama, golongan tertentu, umum dan sebagainya. Antara puisi-puisi termasyhur beliau adalah termasuklah *Salam Benua, Kekasih, Pak Utih, Ke Makam Bonda, Nasib Buruh, Bunga Popi, Gadis di Kuburan, Duri dan Api, Anak Jiran Tionghua, Hadiyah, Sahabatku* dan banyak lagi. Berikut adalah teks sajak beliau iaitu “*Ke Makam Bonda*” yang dijadikan sebagai indikator dalam kajian ini.

KE MAKAM BONDA

Kami mengunjungi pusara bonda
Sunyi pagi disinari suria
Wangi berseri puspa kemboja
Menyambut kami mewakili bonda
 Tegak kami di makam sepi
 Lalang-lalang tinggi berdiri
 Dua nisan terkapar mati
 Hanya papan dimakan bumi
Dalam kenangan kami melihat
Mesra kasih bonda menatap
Sedang lena di dalam rahap
Dua tangan kaku berdakap
 Bibir bonda bersih lesu
 Pernah dulu mengucupi dahiku
 Kini kurasakan kasihnya lagi
 Meski jauh dibatasi bumi
Nisan batu kami tegakkan
Tiada lagi lalang memanjang
Ada doa kami pohonkan
Air mawar kami siramkan
 Senyum kemboja menghantar kami
 Meninggalkan makam sepi sendiri
 Damailah bonda dalam pengabadian
 Insan kerdil menghadap Tuhan
Begitu bakti kami berikan
Tiada sama bonda melahirkan
Kasih bonda tiada sempadan
Kemuncak murni kemuliaan insan.

Sumber: <http://yayasanusmanawang.my/web>

Aspek Bahasa

Gaya bahasa adalah pemilihan, penerapan dan penyusunan kata-kata yang diaplikasikan oleh penulis dalam karya yang dinukilkan. Gaya bahasa antara seseorang penulis dengan penulis adalah berbeza berdasarkan kepada individualiti penulis itu sendiri. Berdasarkan kepada sajak “*Ke Makam Bonda*”, pengkaji mendapati Usman Awang telah menggunakan lima bentuk

gaya bahasa yang pelbagai dalam rangkap sajak tersebut. Gaya bahasa tersebut termasuklah gaya bahasa diksi, hiperbola, metafora, personafikasi dan inversi.

Diksi

Diksi merupakan aspek utama yang perlu ada dalam gaya bahasa sesebuah karya. Pemilihan dan penggunaan diksi adalah bergantung kepada seseorang pengarang kerana beliau yang berhak untuk menyesuaikan gaya bahasa dengan gagasan pemikiran karya yang hendak dihasilkan. Dalam kajian ini, pengkaji dapat Usman Awang sangat mengambil berat penggunaan bahasa dalam sajak “Ke Makam Bonda”. Hal ini dibuktikan dengan pemilihan perkataan ‘makam’ dan ‘bonda’ dalam tajuk sajak tersebut. Terdapat pelbagai perkataan lain yang membawa maksud sama dengan ‘makam’ seperti ‘kubur’ dan ‘pusara’. Pemilihan perkataan ‘makam’ adalah menggambarkan bahawa jasa, bakti dan pengorbanan seorang ibu dapat di samakan dengan kedudukan orang yang paling tinggi darjatnya dalam masyarakat iaitu kerabat di raja mahupun para pejuang agama. Ini kerana, istilah ‘makam’ sinonim digunakan oleh golongan istana dan para anbia serta sahabat-sahabat baginda. Begitu juga dengan perkataan ‘bonda’ di mana ia merujuk kepada seorang ‘ibu’, ‘emak’, ‘umi’ dan sebagainya, namun Usman Awang menggunakan istilah ‘bonda’ kerana ia lebih sedap didengar, dilafazkan dan lebih tinggi nilainya berbanding panggilan lain.

Hiperbola

Hiperbola adalah penggunaan bahasa perbandingan yang melampau pada sesebuah karya sastera. Perbandingan melampau ini bertujuan untuk menegaskan kata-kata dengan maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang. Dalam sajak ini, pengkaji telah menemui dua bentuk hiperbola yang telah digunakan oleh Usman Awang iaitu ‘insan kerdil’ dan ‘kemuliaan insan’. ‘Insan kerdil’ yang mahu disampaikan oleh Usman Awang bukanlah bermaksud ‘bonda’ tersebut seorang manusia yang pendek, kecil ataupun cacat anggota fizikalnya tetapi maksud sebenarnya adalah seorang ibu yang serba kekurangan dari sudut amalan kebaikan apatah lagi mahu berhadapan dengan Allah SWT Yang Maha Sempurna dan Maha Esa. Begitu juga dengan ‘kemuliaan insan’ di mana Usman Awang bukanlah ingin mengatakan ‘bonda’ adalah semulia-mulia insan seperti nabi, rasul dan sahabat-sahabat baginda tetapi bagi pandangannya ‘bonda’ adalah insan yang paling mulia selepas para nabi, rasul, sahabat-sahabat nabi dan para ulama. Usman Awang juga mahu menegaskan bahawa ‘bonda’ mempunyai darjat yang tinggi dalam kehidupan seseorang kerana dialah yang telah mengandung dan melahirkan kita.

Metafora

Metafora pula adalah satu bentuk gaya bahasa kiasan atau perbandingan yang terdapat dalam kebanyakan karya sastera. Ini kerana, apabila seseorang pengarang mahu menyampaikan nasihat, tunjuk ajar, teguran dalam karyanya, mereka akan menggunakan metafora sebagai gaya bahasa yang sesuai digunakan. Dalam sesebuah karya, metafora boleh diungkap secara terang dengan melibatkan dua perkataan sama ada perkataan tersebut berlainan maksud ataupun tidak tetapi membawa makna yang sama. Penggunaan metafora dalam sajak “Ke Makam Bonda” dapat dilihat pada rangkap kedua, baris ketiga iaitu ‘dua nisan terkapar mati’ dan pada rangkap keempat baris pertama iaitu ‘bibir bonda bersih lesu’. Perkataan ‘terkapar mati’ adalah dua perkataan yang berbeza namun dalam sajak ini ia membawa maksud yang satu iaitu ‘tidak bergerak’. Begitu juga dengan perkataan ‘bersih lesu’ di mana metafora yang

mahu disampaikan oleh Usman Awang adalah pucat iaitu tidak mempunyai darah yang mengalir.

Personafikasi

Personafikasi adalah kata-kata yang menggambarkan pemberian sifat khususnya berbentuk perasaan, perbuatan dan perwatakan yang terdapat dalam karya sastera dengan bersandarkan kepada objek-objek lain. Dalam kajian sajak ini, pengkaji menemui dua bentuk personafikasi yang digunakan oleh Usman Awang iaitu ‘wangi berseri puspa kemboja’ dan ‘senyum kemboja menghantar kami’. Kedua-dua bentuk personafikasi ini telah Usman Awang sandarkan kepada bunga kemboja sebagai simbolik bau yang harum serta senyuman manis yang berseri-seri. Bau wangi tersebut merupakan perasaan yang digunakan oleh Usman Awang ketika seseorang menziarahi makam ibunya manakala ‘senyuman kemboja’ mewakili perbuatan dan perasaan gembira setelah hajat untuk menziarahi makam bonda tercapai. Pengarang turut menyatakan perasaan yang amat gembira kerana berpeluang untuk menziarahi makam bondanya tambahan lagi pohon bunga kemboja yang terdapat di pintu gerbang kawasan perkuburan tersebut berbunga lebat sehingga mengeluarkan bau haruman yang wangi seolah-olah menyambut kehadiran dan kedatangan ‘kami’ serta mengiring langkah kepulangan ‘kami’ ke luar kawasan tanah perkuburan.

Inversi

Inversi adalah merujuk kepada susun kata yang terdapat dalam karya di mana ia tidak disusun mengikut susunan kebiasaan atau dengan kata lainnya disusun dengan kata terbalik. Inversi ini juga merupakan gaya bahasa yang tinggi dan ia bukanlah menjurus kepada makna yang berbeza dari perkataan asal. Dalam sajak “Ke Makam Bonda”, pengkaji hanya menemui satu sahaja penggunaan inversi oleh Usman Awang iaitu pada rangkap kelima baris pertama “Nisan batu kami tegakkan”. ‘Nisan batu’ ataupun ‘batu nisan’ adalah objek yang sama. Namun Usman Awang menggunakan nisan batu kerana sebutan tersebut lebih mengasyikkan dari menyebut batu nisan. Jadi, aspek bahasa tersebut menunjukkan penguasaan ilmu yang tinggi diperlihatkan oleh Usman Awang dalam karya ini.

Begitulah kupasan penggunaan aspek bahasa dalam genre sajak yang telah penulis kaji. Namun, penggunaan gaya bahasa dalam sesebuah sajak adalah penting bagi khalayak pembaca memahami dan mengambil iktibar dari apa yang pengarang ingin sampaikan. Penggunaan bahasa yang indah dan menarik akan lebih dihayati oleh penggemar sajak berbandingan gaya bahasa yang bersahaja. Kesenian dan kekreatifan pengarang dalam setiap bait sajak perlu diterapkan agar ia digemari oleh pembaca. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa ini perlulah selari dengan tema dan persoalan yang dimaksudkan oleh sajak berkenaan.

Aspek Nilai

Prospek seterusnya yang dilihat dalam sesebuah karya sastera adalah aspek nilai. Aspek nilai berperanan sebagai satu kayu ukur kepada kejayaan seseorang pengarang dalam menghasilkan karya. Menurut Yaacob dan Rahim (2014), nilai juga dapat mencetus ketulusan diri seseorang individu kerana seseorang pengarang biasanya meluahkan perasaan yang terbuku di hati untuk dikongsikan bersama. Penerapan nilai ini kepada para pembaca merupakan benih untuk membentuk masyarakat ke arah tindakan dan perlakuan positif

(Kasran, 2017). Oleh itu, aspek nilai ini dapat dijadikan sebagai indikator dalam penulisan sesebuah karya kerana ia dapat meninggalkan kesan positif terhadap khalayak pembaca dan pendengar.

Menurut penelitian pengkaji menerusi aspek nilai dalam sajak “*Ke Makam Bonda*”, terdapat banyak nilai murni yang ingin disampaikan oleh pengarang sajak tersebut. Ini dapat dilihat dalam rangkap keempat, baris kedua iaitu ‘pernah dulu mengucupi dahiku, kini kuraskan kasihnya lagi’. Berdasarkan kepada bait tersebut Usman Awang cuba menyampaikan tentang sikap dan tanggungjawab seorang anak terhadap bondanya iaitu sikap menghormati ibu khasnya dan orang tua amnya. Perkataan ‘mengucupi dahiku’ jelas sekali menunjukkan tanda kasih, sayang dan cinta bonda terhadap anaknya. Aspek nilai seterusnya adalah pada rangkap kelima baris kedua iaitu ‘tiada lagi lalang memanjang’. Di sini pengarang menyarankan agar membersihkan kawasan yang semak atau kotor yang ada di kawasan perkuburan tersebut. Pengarang sendiri menggambarkan pokok lalang tumbuh di sekitar perkuburan bonda lalu ‘kami’ membersihkannya. Pengarang juga berharap agar khalayak pembaca selalu mengunjungi pusara agar tidak terdapat tumbuhan meliar disekitar makam insan tersayang. Sekalipun mereka sudah tiada, namun tanggungjawab sebagai seorang anak tidak terhenti di sini sahaja.

Seterusnya, pada rangkap kelima juga, baris ketiga ‘ada doa kami pohonkan’ turut mengandungi aspek nilai iaitu tanggungjawab seorang anak agar mengunjungi kubur serta menghadiahkan mereka dengan al-Fatihah dan tahlil. Sekalipun bonda tiada namun anak tetap perlu mendoakan kebahagiaan bonda di alam kubur. Pengarang berharap agar tidak semestinya berdoa kepada mereka ketika di kubur sahaja bahkan pada setiap kali selepas solat lima waktu. Berdoa kepada mereka sewaktu mereka hidup dan setelah mereka meninggal dunia sebagaimana ungkapan pada rangkap keenam, baris ketiga yang berbunyi ‘Damailah bonda dalam pengabadian’. Sebelum pengarang melangkah kaki meninggalkan kawasan perkuburan tersebut, beliau amat berharap agar bonda tenang ketika menghadap Ilahi. Al-Fatihah dan doa terus pengarang taburkan buat bonda di alam kubur.

Aspek nilai yang terakhir penulis dapati dalam sajak tersebut iaitu pada rangkap ketujuh baris pertama dan kedua iaitu ‘begitu bakti kami berikan, tiada sama bonda melahirkan’. Ini bermaksud bahawa pengorbanan seorang ibu yang tidak ternilai banyaknya. Ibu telah menggadai nyawa untuk melahirkan kita. Beliau menjaga dan mendidik anaknya dengan sebaik mungkin agar menjadi seorang yang berguna. Walau apa jua yang dilakukan oleh seorang anak terhadap ibunya, jasa ibu tidak akan tebalas. Untuk itu, doakanlah agar roh bonda sentiasa dirahmati Allah. Begitulah aspek nilai yang terdapat dalam sajak “*Ke Makam Bonda*” tersebut. Semoga kesemua aspek nilai tersebut dapat dihayati dan diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari sebagai seorang anak yang soleh dan solehah.

Aspek Struktur

Aspek struktur dalam sastera mengandungi beberapa komponen. Antara komponen yang ada dalam sastera termasuklah tema, persoalan, nilai, pengajaran, nada, rima, plot dan watak. Kupasan bagi aspek struktur dalam sajak “*Ke Makam Bonda*” adalah seperti berikut.

Tema

Tema adalah persoalan atau isu utama yang menjadi asas kepada sesebuah karya sastera sama ada dalam bentuk sajak, puisi, cerpen dan sebagainya. Tema dalam sesebuah karya itu akan ditentukan oleh pengarang berdasarkan kepada gagasan pemikiran beliau. Pada kebiasaannya, dalam sesebuah karya hanya terdapat satu tema sahaja yang difokuskan. Tema sajak dalam kajian ini adalah ‘kemanusiaan’ di mana Usman Awang mahu membicarakan persoalan berkaitan jasa, pengorbanan dan bakti seorang ibu kepada anaknya.

Persoalan

Persoalan pula adalah satu aspek pemikiran atau isu sampingan yang mahu dibawa oleh seseorang pengarang selain dari tema. Persoalan ini dapat dilihat secara menyeluruh berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang digambarkan dalam karya tersebut. Persoalan dalam dalam karya ini tidak seperti tema kerana bilangan persoalan boleh melebihi satu dalam sesebuah karya. Dalam sajak ini, persoalan menjurus kepada tanggungjawab seorang anak terhadap ibunya, muhasabah diri serta pengorbanan.

Nilai

Dalam sebuah karya sastera khususnya sajak, nilai dapat dikesan berdasarkan kepada kefahaman pembaca. Nilai dalam sesebuah karya sastera mempunyai unsur pekerti yang tinggi serta dapat meninggalkan kesan mendalam terhadap pembaca. Terdapat beberapa nilai moral dalam sajak ini yang pengkaji dapat iaitu muhasabah diri, sifat terpuji, pengorbanan, bergotong royong dan bekerjasama serta tanggungjawab.

Pengajaran

Pengajaran adalah aspek penghayatan yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Pengajaran ini biasanya dikaitkan dengan objektif atau tujuan karya tersebut dihasilkan atau dengan kata lain dipanggil sebagai mesej utama dalam karya. Pengajaran utama yang pengkaji temui dalam sajak “*Ke Makam Bonda*” adalah sentiasa mengingati dan mendoakan kebaikan buat kedua ibu bapa walaupun mereka telah pergi buat selama-lamanya.

Nada

Nada adalah perasaan yang diluahkan oleh pengarang dalam karyanya dan nada tersebut dapat mempengaruhi perasaan pembaca yang menghayati keseluruhan perkara yang tercatat dalam karya tersebut. Nada dalam sesebuah karya boleh dilihat dan dirasai dengan penggunaan bahasa dan struktur ayat yang digunakan oleh pengarang sama ada ia berbentuk sedih, gembira, marah, kasih sayang, semangat kenegaraan dan sebagainya. Dalam kajian terhadap sajak “*Ke Makam Bonda*” ini pengkaji mendapati nada yang diungkapkan oleh Usman Awang kepada pembaca adalah nada sedih dan hiba.

Rima

Rima adalah persamaan bunyi suku kata yang terdapat dalam sesebuah karya puisi atau sajak. Rima boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu pada pertengahan baris ataupun pada akhir baris. Penggunaan rima dalam karya puisi atau sajak bertujuan untuk memberi ketenteraman pendengar dengan bunyi sebutan yang sama. Dalam sajak ini, pengkaji mendapati Usman Awang telah mempelbagaikan bentuk rima dalam setiap rangkap sajak yang dihasilkan,

namun kesemua rima tersebut adalah rima akhir seperti suku kata terbuka (...a), (...i) dan (...u). Usman Awang turut menggunakan rima akhir dengan suku kata tertutup iaitu (...ap), (...kan) dan (...an).

Plot

Plot adalah jalinan atau hubungan peristiwa yang terdapat dalam sesebuah karya. Ia berkait rapat dengan watak dan jalan cerita yang di garapkan dalam karya tersebut. Berdasarkan kepada sajak “Ke Makam Bonda”, plot yang digunakan ialah plot kronologi. Pada mulanya Usman Awang menyatakan perasaan gembira kerana berpeluang dan berkesempatan untuk menziarahi makam bondanya. Kegembiraan pengarang diserikan lagi dengan wangian bau-bauan bunga kemboja di kawasan perkuburan tersebut. Pengarang menggambarkan terdapat banyak tumbuhan meliar iaitu lalang di kawasan makam bonda. Pengarang turut mengimbau kembali nostalgia ketika bersama dengan ibunya sewaktu ibunya hidup dengan kasih sayang terhadap semua anak-anaknya. Usman Awang juga membayangkan ‘kami’ seolah-olah dapat melihat keadaan ibunya yang kini berada tenang di dalam kubur. ‘Kami’ turut membersihkan kawasan kubur bondanya dengan membuang tumbuhan lalang dan tumbuhan yang meliar. Beliau turut menghadiahkan doa dan al-Fatihah buat bonda kesayangan dan berharap agar bonda sentiasa bahagia disisi Yang Esa. Oleh itu, Usman Awang mengingatkan pembaca agar terus menjaga dan menyayangi bonda yang masih hidup. Walau apa juga pengorbanan yang kita curahkan kepada bonda, namun ia tetap tidak sama dengan jasa bonda yang menggunung tinggi. Pengarang turut berdoa dan mengharapkan agar bonda bersama orang yang soleh. Di sini jelas menunjukkan bahawa plot kronologi dalam sajak ini bermula dari sebelum melangkah kaki ke kawasan perkuburan sehingga watak selesai menziarahi makam bonda.

Watak

Watak adalah pelakon utama dalam sesebuah karya sastera dan watak jugalah yang dapat menghidup dan mematikan karya tersebut. Dalam sajak “Ke Makam Bonda”, watak utama adalah ‘kami’ iaitu memegang selaku anak kepada seorang ibu yang telah meninggal dunia. ‘Kami’ dalam sajak ini melakonkan watak seorang anak yang soleh dan tahu tentang tanggungjawabnya terhadap seorang ibu.

Aspek Dakwah dan Nilai Moral

Terdapat pelbagai bentuk dan pendekatan dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat sama ada menerusi komunikasi lisan, mahu pun bukan lisan. Nilai dan pendekatan dakwah yang jelas terungkap dalam sajak ini adalah menerusi dakwah dari sudut penulisan di mana nilai dakwah tersebut diperolehi setelah pembaca atau pendengar memahami dan menghayati sajak tersebut. Menurut Yaacob & Rahim (2016), pendekatan dakwah dalam sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT dengan menekankan aspek-aspek yang menyentuh kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT. Ia juga dapat dikategorikan sebagai *amar ma'ruf nahi munkar* di mana orang-orang mukmin yang melaksanakan konsep ini walau di mana sahaja mereka berada dianggap sebagai orang yang terbaik daripada kalangan umat manusia (Mokhtar, et. all., 2021a).

Menurut Mokhtar, Thia & Ramlie (2019), cara untuk memberikan galakan dan nasihat dalam Islam ialah mengajak manusia supaya patuh kepada perintah Allah SWT. Bentuk dan cara

galakan ini tidak dikhususkan kepada sesuatu perkara sahaja bahkan ia bersifat meluas termasuklah diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan karya sajak. Ini kerana berdakwah tidak semestinya dilakukan secara alunan suara bahkan ia boleh dilakukan dengan cara tanpa suara dan ini termasuk dalam kenteks berdakwah dengan cara lemah lembut. Bercakap dengan cara lemah lembut atau menggunakan penerapan nilai bahasa yang mendalam akan menyebabkan orang mendengarnya merasa tenang dan selesa sekaligus boleh menerima percakapan atau nasihat yang disampaikan dengan hati yang terbuka (Yahya, 2004). Lemah lembut yang dimaksudkan di sini adalah penggunaan komunikasi yang baik, teratur dan memberi penerangan dalam keadaan tenang dan meninggalkan impak positif kepada pembaca (Mokhtar, et. al. 2021b).

Apabila dilihat dari perspektif dakwah, bait pertama dalam sajak ini sangat jelas menggambarkan tanggungjawab seorang anak terhadap kedua ibu bapa mereka. Tanggungjawab sebagai seorang anak bukan hanya berlaku ketika ibu bapanya masih hidup sahaja bahkan akan diteruskan sehingga ke hujung nyawa. Dalam bait pertama ini juga memperlihatkan konsep doa seorang anak kepada orang tuanya yang sentiasa dibekalkan walaupun realitinya mereka sudah tiada di sisi mereka. Ini bertepatan dengan sabda nabi Muhammad SAW di mana doa anak yang soleh akan sampai kepada ibu bapanya dan ia mampu memberi ketenangan mereka di alam barzakh. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Dari Abi Huhairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya*”.

Bertitik tolak dari pendekatan aspek tersebut, maka terbentuklah nilai moral yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pegangan kepada khalayak pembaca dan pendengar. Berikut adalah kupasan dapatan kajian berkaitan dengan nilai moral dan konsep dakwah yang terangkum dalam sajak “Ke Makam Bonda” iaitu:

Muhasabah Diri

Nilai moral dan konsep dakwah pertama yang terdapat dalam sajak “Ke Makam Bonda” ini adalah muhasabah diri. Usman Awang cuba menggambarkan kesibukan aktiviti harian seseorang anak pada masa kini sehingga lupa dan alpa untuk menziarahi kubur atau makam mereka yang telah pergi menghadap ilahi. Kenyataan ini dizahirkan oleh Usman Awang pada rangkap kedua sajak tersebut di mana beliau menggambarkan suasana apabila anak-anak berada di tanah perkuburan tempat ibunya disemadikan. Pada Ketika itu, kelihatan tumbuhnya lalang-lalang di kawasan makam, kedua-dua batu nisan telah tumbang serta papan yang dijadikan benteng kubur telah mulai reput dan hancur. Situasi ini menunjukkan bahawa pemergian bonda tercinta menghadap ilahi telah lama berlalu dan mereka tidak berkesempatan untuk menziarahi makam bonda tersebut. Dengan melihat hal sedemikian, anak-anak bonda tersebut terdiam seketika memikirkan keadaan itu dan ini dapat muhasabah diri dengan kejadian yang tidak sepatutnya mereka lakukan.

Selain itu, setiap manusia juga perlu akur bahawa kehidupan ini tidak akan kekal selamanya. Apabila sampai waktu dan masanya, tidak siapa yang boleh menghalang ajal yang bakal tiba. Mahu tidak mahu kita perlu redha dengan ketetapan yang telah ditakdirkan oleh Allah Yang

Maha Esa. Oleh itu, kita perlu sentiasa mengingati akan kematian kerana oarng yang paling banyak mengingati kematian itu adalah orang paling cerdas akalnya. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Abdullah bin Umar RA berkata, ketika beliau sedang duduk-duduk bersama Rasulullah SAW, datang seorang lelaki memberi salam dan bertanya kepada Rasulullah SAW "Siapakah orang yang paling baik dalam kalangan orang yang beriman?" Rasulullah SAW Menjawab, "Orang yang paling baik adalah orang yang berakh�ak mulia." "Siapakah orang yang paling cerdik dalam kalangan orang yang beriman?" Rasulullah SAW menjawab, "Orang yang paling cerdik adalah mereka yang banyak mengingati mati, dan banyak membuat persiapan untuk menghadapi mati. Mereka itulah orang-orang yang cerdik"*(Imam Ibnu Majah, kitab *al-Zuhd*, bab *Zikr al-Maut Wa Isti'dad Lahu*. no. hadith 4259).

Sifat Terpuji

Sifat terpuji ataupun sifat mahmudah merupakan sifat-sifat baik yang perlu ada dalam setiap diri manusia. Dalam sajak “Ke Makam Bonda” ini pengkaji turut menemui beberapa nilai terpuji yang telah diketengahkan oleh Usman Awang dalam rangkap sajak tersebut. Sifat terpuji yang pertama pengkaji temui adalah pada rangkap pertama baris pertama iaitu “Kami mengunjungi pusara bonda”. Istilah mengunjungi dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) bermaksud mendatangi untuk melihat-lihat tempat atau menemui seseorang, melawat dan menziarahi. Perkataan mengunjungi pusara ini termasuk sifat terpuji kerana ia digalakkan oleh agama kerana ia dapat meruntun hati untuk mendekatkan diri dengan pencipta. Nilai murni kedua adalah memastikan kawasan kubur berada dalam keadaan bersih dan kemas. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap kelima di mana pengunjung telah menegakkan batu nisan yang tumbang, mencabut lalang yang tumbuh di pusara, menyiram tanah kubur bagi melembutkan tanah serta memanjatkan doa buat bonda di sana. Sifat ini telah digambarkan oleh Usman Awang sebagai nilai-nilai murni yang perlu dilaksanakan oleh seseorang anak setelah ibu bapanya meninggal dunia.

Pengorbanan

Nilai murni seterusnya adalah pengorbanan. Nilai pengorbanan yang ketara dalam sajak ini tertumpu kepada pengorbanan seorang ibu dalam melahirkan anak-anak, mendidik serta membesarakan mereka. Sebagaimana yang kita maklum, pengorbanan seorang ibu mengandung dan melahirkan seorang anak amat besar nilainya. Seorang ibu sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit untuk memastikan anak-anaknya sentiasa sihat, bahagia, berjaya di dunia dan akhirat. Ini menunjukkan bahawa pengorbanan tersebut sangat sukar dibalas oleh seorang anak sekalipun mereka membersihkan kawasan makam ibunya. Nilai pengorbanan ini dapat dilihat dalam rangkap keempat di mana sewaktu bonda masih hidup, dia selalu mencium dahi anaknya sebagai tanda syukur dan sayang kepada amanah kurniaan Allah kepadanya. Kemudian dalam rangkap terakhir sajak, Usman Awang menegaskan bahawa apa juga bakti yang dihulurkan oleh seorang anak terhadap ibunya, maka ia tidak dapat membala jasa seorang ibu yang melahirkan. Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya tidak ada sempadan bahkan ia akan kekal sehingga ke hujung nyawa.

Bergotong-ropong dan Berkejasama

Pengkaji turut menemui nilai murni bergotong-ropong dan berkerjasama yang diterapkan dalam sajak “Ke Makam Bonda”. Dalam rangkap pertama sajak, Usman Awang mulakan dengan istilah ‘kami’ bermaksud kunjungan ke tanah perkuburan itu dilakukan oleh beberapa

orang anak. Sikap bergotong-royong dan kerjasama ini diungkapkan oleh Usman Awang pada rangkap kelima sajak tersebut. Usman Awang menggambarkan ‘kami’ bersama-sama menegakkan kembali batu nisan yang telah tumbang sama ada disebabkan oleh tanah kubur yang telah mendap, tiupan angin ataupun dilanggar oleh haiwan yang melintasi kawasan perkuburan tersebut. ‘Kami’ juga turut sama-sama membersihkan kawasan kubur bonda yang telah ditumbuh tumbuhan seperti Lalang, rumput dan tumbuhan renek. Seterusnya ‘kami’ juga mengadakan bacaan tahlil dan membaca ayat-ayat al-Quran untuk disedekahkan kepada bonda agar bonda tenang di sana. ‘Kami’ juga turut sama-sama menyiram air mawar yang dibawa ke atas kubur bonda bagi mengelakkan tanah kubur tersebut kelihatan kering dan merekah. Sikap kerjasama dan amalan murni ini menunjukkan perlunya konsep bersatu hati dalam melaksanakan sesuatu perkara yang baik agar ia menjadi lebih mudah dan merapatkan tali persaudaraan antara satu sama lain.

Tanggungjawab

Nilai murni dan konsep dakwah terakhir yang pengkaji temui dalam sajak “*Ke Makam Bonda*” adalah tanggungjawab. Tanggungjawab utama dalam sajak tersebut adalah merujuk kepada tanggungjawab seorang anak terhadap kedua ibu bapanya. Nilai tanggungjawab tersebut adalah seperti mendoakan agar bonda sentiasa tenang berada di alam barzakh, menziarahi pusara bonda, membersihkan kawasan perkuburan bonda dan memperbanyak sedekah ke atas namanya agar bonda menerima amalan anak yang soleh. Pengkaji berpendapat, walaupun seseorang anak itu membersihkan kawasan makam bonda, menegakkan batu nisan dan mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan bonda di sana, namun hal ini tidak sama nilainya dengan segala pengorbanan bonda melahirkan dan membesarakan anak-anaknya dengan penuh kasih sayang.

Penutup

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati gaya bahasa dalam komunikasi juga termasuk dalam salah satu konsep dakwah. Pengimplementasian gaya bahasa yang sesuai dapat menarik minat dan menyentuh hati khalayak pembaca dan pendengar. Konsep dakwah adalah luas dan tidak tertumpu kepada medium ceramah, motivasi, tazkirah dan sebagainya, namun ia boleh diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan sama ada dalam bentuk cerita, cerpen, lirik lagu, sajak, puisi dan sebagainya. Transformasi genre sajak ke dalam bentuk alunan nasyid telah memberi nafas baharu kepada proses penyampaian mesej pengarang kepada masyarakat. Ia juga merupakan satu alternatif terkini yang sangat relevan khususnya dalam era globalisasi kini yang suka dengan hiburan. Aspek bahasa, nilai dan struktur juga merupakan satu faktor yang penting dalam teknik penulisan sesuatu makalah kerana ia adalah indikator penentu keberkesanaan sesuatu penulisan tersebut. Oleh itu, para sarjana perlu menerapkan aspek-aspek tersebut dalam setiap penulisan mereka agar matlamat dan mesej yang mahu disampaikan kepada khalayak pembaca tercapai.

Rujukan

- Adenan, M. K., Kayad, F. G. & Daud, M. Z. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*. Volume 3. 106-121.
- Awang, M. & Radzi, S. B. M. (2020). Indah Lagi Mengasyikkan: Gaya Bahasa Pertautan Usman Awang dalam Puisinya. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(3). 33 – 42.
- Ayob, O., Chin, R. & Hassan, T. R. R. (2020). Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Vol. 8, (2), 2020.
- Bading, B., Unde, A. A. & Mursalim. (2018). Penerapan Prinsip-Prinsip Komunikasi Interpersonal Guru BK terhadap Tingkat Kenakalan Siswa. *Jurnal Komunikasi KAREBA*. Vol.7 No.1 Januari-Juni 2018. 139-149.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. Routledge, Oxon.
- Ghazali, M. F. M. (2021). Gaya Bahasa Dalam Kepengarangan Puisi: Kajian Perbandingan Stilistik Penerima S.E.A Write Award Malaysia (Usman Awang) Dan Indonesia (Afrizal Malna) *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities Volume 4 (1), April 2021* eISSN: 2637-0360. 75-91.
- <http://yayasanusmanawang.my/web>. Teks Sajak “Ke Makam Bonda”. Tarikh capaian, 9 Julai 2021.
- Kamus Dewan. 2015. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasran, M. H. M. (2017). Nilai Kegigihan dalam Sajak Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*. 5(1). 37–44.
- Masri, S. (2003). *Kaedah penyelidikan dan Panduan Penulisan Tesis (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H., Muis. A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R. & Lukin, S. A. (2021a). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021). 140-156.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021b). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Soh, N. A. C. & Kamaruddin, R. (2016). Makna dalam Puisi Terpilih Usman Awang. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(3). 57-64.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Subet, M. F. (2010). *Interpretasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subet, M. F. (2017). Emosi dan Ironi dalam Puisi Usman Awang: Tafsiran Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Jilid 17 Bil. 2 Disember 2017.
- Subet, M. F. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa* 18(1), 159-188.

- Yaacob, M. F. C. & Rahim, N. A. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2). 74-85.
- Yaacob, M. F. C. & Rahim, N. A. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development. Volume 4 Number 2. September 2016*. 48-57.
- Yahya, H. (2004). terj. Rahim, A. H. A. *Kasih Sayang Orang Mukmin*. Johor Bahru: Jahabersa.